

***Embargo sehingga jam 1700,  
Rabu, 30 Januari 2019***

## **PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI TAHUN 2018 DAN BULAN DISEMBER 2018<sup>#</sup>**

#### **PRESTASI PERDAGANGAN 2018**

***Lebihan Dagangan Tertinggi sejak 2012 dengan Eksport Mencecah Hampir RM1 trilion pada tahun 2018***

Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2018 kekal mampan, berkembang sebanyak 5.9% kepada RM1.876 trilion, berbanding RM1.771 trilion pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan eksport yang lebih kukuh daripada jangkaan.

Walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, **eksport meningkat 6.7% mencecah nilai RM998.01 bilion**, melepas unjuran pertumbuhan sebanyak 4.4% dalam Tinjauan Ekonomi 2019. **Import meningkat 4.9% kepada RM877.74 bilion.**

**Lebihan dagangan meningkat 22.1% kepada RM120.27 bilion, mencatatkan kadar terpantas dalam tempoh 10 tahun dan lebihan dagangan yang tertinggi sejak 2012.** Ini merupakan lebihan dagangan ke-21 tahun berturut-turut sejak tahun 1998.

Pencapaian ini disumbang oleh perdagangan yang lebih tinggi dengan Hong Kong SAR, yang berkembang 45.2% atau RM27.91 bilion, China ( $\uparrow$ 8.1% atau RM23.4 bilion), ASEAN ( $\uparrow$ 4.7% atau RM22.91 bilion), Taiwan ( $\uparrow$ 22.1% atau RM17.37 bilion), Kesatuan Eropah (EU) ( $\uparrow$ 4.8% atau RM8.45 bilion), Arab Saudi ( $\uparrow$ 45.2% atau RM6.75 bilion), Republik Korea (ROK) ( $\uparrow$ 7.2% atau RM4.89 bilion), Australia ( $\uparrow$ 4.8% atau

RM2.52 bilion), Bangladesh ( $\uparrow 27.3\%$  atau RM2.05 bilion) dan Amerika Syarikat (AS) ( $\uparrow 1.1\%$  atau RM1.72 bilion).

### **Butiran utama eksport pada tahun 2018:**

- Nilai eksport purata bulanan bernilai RM83 bilion;
- Peningkatan eksport barangan perkilangan dan hasil galian masing-masing sebanyak 9.1% dan 7.1%, mengimbangi penurunan eksport keluaran pertanian;
- Pertumbuhan yang berterusan bagi eksport barang elektrik dan elektronik (E&E) didorong oleh penggunaan barang semikonduktor yang meluas dalam kemajuan teknologi semasa;
- Pertumbuhan dua digit tahun ke tahun dicatatkan bagi eksport petroleum mentah kecuali pada Januari dan Februari, disokong oleh harga minyak mentah yang tinggi;
- Peningkatan eksport ke ASEAN sebanyak 5% dengan pertumbuhan ketara ke Viet Nam, Thailand, Singapura, Filipina dan Kemboja;
- Kenaikan eksport ke hampir semua negara utama rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA);
- Pertumbuhan eksport yang kukuh ke negara-negara maju, terutamanya AS dan EU khasnya Jerman, Sepanyol serta Itali; dan
- Permintaan yang lebih tinggi dari pasaran-pasaran berpotensi seperti Bangladesh, Peru, Qatar, Sri Lanka, Papua New Guinea dan negara-negara di Afrika khasnya, Afrika Selatan, Tunisia dan Djibouti.

### **Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama**

#### ***ASEAN Memacu Pertumbuhan Eksport***

ASEAN kekal sebagai rakan dagang yang penting dan strategik bagi Malaysia, merangkumi 27.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2018. Perdagangan dengan ASEAN berjumlah RM509.2 bilion, meningkat 4.7% berbanding 2017.

Eksport ke ASEAN meningkat 5% kepada RM285.3 bilion, menyumbang 28.6% kepada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini disokong oleh eksport yang lebih tinggi ke Viet Nam, Thailand, Singapura, Filipina dan Kemboja yang menyumbang 87.1% kepada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Penyumbang utama kepada kenaikan ini adalah barang E&E, petroleum mentah, barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan serta barangan besi dan keluli yang secara kolektifnya meningkat sebanyak RM17.23 bilion.

**Singapura** kekal sebagai pasaran eksport terbesar di ASEAN dengan 48.8% syer daripada jumlah eksport ke ASEAN. Eksport ke Singapura naik 2.6% kepada RM139.12 bilion berikutan kenaikan eksport barang E&E dan barangan berdasarkan petroleum iaitu petroleum mentah dan keluaran petroleum.

Eksport ke **Thailand** berkembang 12.4% kepada RM56.77 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan perkilangan terutamanya barangan E&E, kelengkapan pengangkutan, keluaran petroleum, barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia.

Pada tahun 2018, **Viet Nam** telah menggantikan Indonesia sebagai destinasi eksport ketiga terbesar di ASEAN. Eksport ke Viet Nam mencatatkan pertumbuhan kukuh 24% kepada RM34.21 bilion, berikutan kenaikan eksport keluaran petroleum, barangan E&E, barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia. Ini merupakan tahun keempat berturut-turut eksport ke Viet Nam mencatatkan pertumbuhan dua digit.

Eksport ke **Indonesia** bernilai RM31.75 bilion, menyusut 5.6% disebabkan eksport yang lebih rendah bagi keluaran petroleum sebanyak RM3.5 bilion. Walau bagaimanapun, eksport barangan besi dan keluli, petroleum mentah, kelengkapan pengangkutan serta kimia dan bahan kimia merekodkan peningkatan.

Eksport ke **Filipina** bertambah 2% kepada RM16.85 bilion, berikutan eksport yang lebih tinggi bagi petroleum mentah, barangan E&E, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan serta keluaran petroleum.

Import dari ASEAN meningkat 4.3% kepada RM223.9 bilion dengan import utama adalah barang E&E, keluaran petroleum serta kimia dan bahan kimia.

### ***China – Rakan Dagang Terbesar Malaysia 10 Tahun Berturut-Turut***

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia bagi 10 tahun berturut-turut sejak 2009. Pada tahun 2018, perdagangan Malaysia dengan China meningkat 8.1% kepada RM313.81 bilion dan merangkumi 16.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Eksport ke China berkembang 10.3% kepada RM138.88 bilion, didorong oleh kenaikan eksport kimia dan bahan kimia, barang E&E, gas asli cecair (LNG), barang perkilangan logam, barang optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan dan barang makanan diproses.

China kekal sebagai sumber import terbesar Malaysia dengan syer 19.9% daripada jumlah import pada tahun 2018. Import dari China meningkat 6.4% kepada RM174.93 bilion berikutan kenaikan import bagi barang E&E, barang perkilangan logam, kimia dan bahan kimia serta kelengkapan pengangkutan.

### ***Eksport ke EU – Hampir Semua Pasaran Utama Mencatatkan Peningkatan***

Perdagangan dengan EU pada tahun 2018 bernilai RM183.37 bilion atau menyumbang 9.8% kepada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 4.8% berbanding 2017. Eksport ke EU naik 3.5%, mencelah RM98.6 bilion.

**Di antara 10 pasaran utama yang merangkumi 90.7% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, 7 negara mencatatkan peningkatan iaitu Jerman meningkat 5.7%, Sepanyol ( $\uparrow$ 46.6%), Itali ( $\uparrow$ 27%), Perancis ( $\uparrow$ 7.9%), Republik Czech ( $\uparrow$ 32.1%), Hungary ( $\uparrow$ 17.8%) dan Poland ( $\uparrow$ 8.1%).** Jerman telah mengatasi Belanda sebagai destinasi eksport terbesar bagi rantau ini pada tahun 2018.

Peningkatan eksport ke EU didorong terutamanya oleh barangan perkilangan yang menyumbang 90.8% kepada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Eksport sektor ini meningkat 5.5% kepada RM89.53 bilion berikutan kenaikan eksport barangan perkilangan logam sebanyak 148.7% atau RM3.27 bilion. Barangian lain yang turut menyumbang kepada kenaikan ini adalah kimia dan bahan kimia, keluaran getah, barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan serta keluaran petroleum.

Import dari EU berkembang 6.5% kepada RM84.77 bilion dengan barangang import utama merupakan barangan E&E, kelengkapan pengangkutan serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

### ***Eksport ke AS Mencecah Nilai Tertinggi dalam Tempoh 11 Tahun***

Perdagangan dengan AS merekodkan pertumbuhan sebanyak 1.1% kepada RM155.68 bilion, merangkumi 8.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2018. Eksport ke AS meningkat 2.3% kepada RM90.73 bilion, mencecah nilai tertinggi sejak 2008.

Peningkatan ini dipacu oleh barangan perkilangan yang naik 3.1% kepada RM87.4 bilion dan menyumbang 96.3% kepada jumlah eksport Malaysia ke AS. Kenaikan eksport turut disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran getah serta kimia dan bahan kimia yang mengimbangi penurunan eksport barangan E&E. Eksport barangan E&E menyusut 3.9% atau RM1.9 bilion, menurun buat pertama kali sejak 2014. Barangian ini menyumbang 52.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke AS.

Import dari AS menurun 0.5% kepada RM64.94 bilion di mana import utama adalah barangan E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kimia dan bahan kimia.

**Jepun Kekal sebagai Rakan Dagang keempat Terbesar Malaysia dengan Nilai Dagangan Melebihi RM100 bilion**

Perdagangan dengan Jepun pada tahun 2018 berjumlah RM132.57 bilion, mengekalkan nilai tahunan melebihi RM100 bilion selama lebih satu dekad dan kekal sebagai rakan dagangan keempat terbesar Malaysia sejak 2015 walaupun mengalami penurunan sebanyak 4.8%. Jumlah perdagangan dengan Jepun menyumbang 7.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Eksport menyusut 8.6% kepada RM69.06 bilion, berikutan eksport LNG dan barang E&E yang lebih rendah di mana masing-masing menurun sebanyak 18.4% dan 11.5%. Kedua-dua barang ini menyumbang 56.8% kepada jumlah eksport Malaysia ke Jepun. Barang utama yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport ialah kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli, barang perkilangan logam, keluaran petroleum, barang kayu, barang perkilangan plastik serta keluaran getah.

Import dari Jepun berkurang 0.2% kepada RM63.51 bilion pada tahun 2018. Import utama adalah barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

**Eksport Kukuh ke Pasaran FTA**

Pada tahun 2018, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) meningkat 4.1% kepada RM1.171 trilion dan menyumbang 62.4% kepada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke rakan dagang FTA meningkat 4.4% kepada RM615.33 bilion, mewakili 61.7% daripada jumlah eksport Malaysia. Import meningkat 3.8% kepada RM555.73 bilion.

Eksport ke **ROK** melonjak 17.8% kepada RM33.68 bilion, disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang E&E, **Australia** ( $\uparrow$ 3.2% kepada RM33.41 bilion, petroleum mentah), **New Zealand** ( $\uparrow$ 6% kepada RM4.78 bilion, petroleum mentah), **Kemboja** ( $\uparrow$ 23.7% kepada RM1.54 bilion, keluaran petroleum) dan **Chile** ( $\uparrow$ 13.6% kepada RM811.4 juta, kimia dan bahan kimia).

Peningkatan eksport turut direkodkan ke **India**, yang meningkat 5.1% kepada RM36.29 bilion disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport petroleum mentah dan barangan perkilangan logam. Eksport ke **Pakistan** naik 2.1% kepada RM5.15 bilion, didorong oleh peningkatan eksport keluaran petroleum. Kedua-dua negara ini menyumbang 76.7% kepada jumlah eksport Malaysia ke Asia Selatan.

### ***Pasaran Eksport yang Berpotensi***

Pada tahun 2018, pasaran lain yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport adalah **Bangladesh, Afrika Selatan, Sri Lanka, Papua New Guinea, Peru, Qatar, Tunisia** dan **Djibouti**. Eksport ke **Bangladesh** meningkat 29.5% kepada RM8.48 bilion, **Afrika Selatan** ( $\uparrow$ 13.2% kepada RM3.77 bilion), **Sri Lanka** ( $\uparrow$ 16.4% kepada RM2.89 bilion) dan **Papua New Guinea** ( $\uparrow$ 27.8% kepada RM1.85 bilion) yang disumbangkan oleh eksport keluaran petroleum yang lebih tinggi.

Pasaran lain yang mencatatkan peningkatan dalam eksport ialah **Peru** meningkat sebanyak 50% kepada RM757.7 juta disumbangkan terutamanya oleh barangan perkilangan berasaskan minyak sawit, **Qatar** ( $\uparrow$ 29.8% kepada RM989.6 juta, jentera, kelengkapan dan peralatan), **Tunisia** ( $\uparrow$ 108.4% kepada RM418.6 juta, barangan E&E) dan **Djibouti** ( $\uparrow$ 33.2% kepada RM826.1 juta, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit).

### **Prestasi Sektor Utama**

#### ***Barangan Perkilangan dan Hasil Galian Dorong Pertumbuhan Eksport***

Pada tahun 2018, eksport barangan perkilangan naik 9.1% atau RM69.62 bilion kepada RM835.48 bilion. Eksport barangan perkilangan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport negara sebanyak 83.7% berbanding 81.9% pada tahun 2017.

Barangan E&E merupakan penyumbang terbesar kepada komposisi eksport negara pada 2018, iaitu sebanyak 38.2% atau RM380.81 bilion, meningkat 11% atau

RM37.74 bilion. Kenaikan eksport barang E&E yang melebihi RM1 bilion telah direkodkan, di antaranya:

- Litar bersepadu elektronik, meningkat RM44.47 bilion kepada RM172.63 bilion;
- Bateri dan akumulator elektrik, ↑RM2.24 bilion kepada RM4.59 bilion;
- Mikrofon, pembesar suara, fon kepala dan telinga, set amplifier dan alat ganti, ↑RM2 bilion kepada RM6.45 bilion;
- Komputer dan kelengkapan pemprosesan data, ↑RM1.42 bilion kepada RM16.52 bilion; dan
- Mesin pemprosesan data, ↑RM1.1 bilion kepada RM6.9 bilion.

Pasaran yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport barang E&E adalah Hong Kong SAR, Taiwan, China, Thailand, ROK, Singapura dan Viet Nam.

**Barangan perkilangan lain yang menyumbang kepada perkembangan eksport bagi tahun 2018 adalah:**

- Kimia dan bahan kimia, ↑22.5% kepada RM57.72 bilion;
- Barangan perkilangan logam, ↑17.8% kepada RM44.67 bilion;
- Keluaran petroleum, ↑6.4% kepada RM76.39 bilion;
- Barangan optik dan saintifik, ↑12.1% kepada RM36.33 bilion;
- Kelengkapan pengangkutan, ↑15.5% kepada RM18.02 bilion;
- Barangan besi dan keluli, ↑19.1% kepada RM14.97 bilion;
- Barangan galian bukan logam, ↑21% kepada RM7.26 bilion;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, ↑1.2% kepada RM40.63 bilion;
- Barangan kertas dan palpa, ↑5.6% kepada RM4.95 bilion;
- Keluaran getah, ↑0.4% kepada RM26.41 bilion; dan
- Barangan perkilangan plastik, ↑0.2% kepada RM14.53 bilion.

### ***Hasil Galian***

Eksport hasil galian meningkat 7.1% kepada RM87.62 bilion. Sektor ini merangkumi 8.8% syer daripada jumlah eksport pada tahun 2018. Eksport petroleum mentah meningkat 29.4% kepada RM36.57 bilion berikutan kenaikan Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti. Namun begitu, eksport LNG menguncup 3.1% kepada RM40.14 bilion.

### ***Keluaran Pertanian***

Eksport keluaran pertanian menyusut 14.2% kepada RM67.01 bilion, merangkumi 6.7% daripada jumlah eksport pada tahun 2018. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit menurun 17.3% kepada RM44.7 bilion, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport minyak sawit berikutan penurunan AUV, sejajar dengan harga global yang lebih rendah walaupun kuantiti eksport meningkat.

### ***Barangan Pengantara dan Modal Merangkumi 65.2% daripada Import***

Pada tahun 2018, jumlah import Malaysia meningkat 4.9% kepada RM877.74 bilion. Tiga barang import utama yang menyumbang 73.5% kepada jumlah import negara pada tahun 2018 seperti berikut:

- Barang pengantara bernilai RM460.32 bilion atau 52.4% daripada jumlah import, berkurang 3.9% berbanding tahun 2017, berikutan penurunan import alat ganti dan aksesori bagi barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan), khasnya jentera, kelengkapan dan peralatan elektrik;
- Barang modal (RM111.81 bilion atau 12.7% daripada jumlah import), ↓3.2%, disebabkan terutamanya oleh pengurangan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) terutamanya alat ganti bagi jentera dan kelengkapan mekanikal; dan

- Barang penggunaan (RM72.78 bilion atau 8.3% daripada jumlah import), ↑2.5%, hasil kenaikan import barang tidak tahan lama khasnya barang farmaseutikal.

Import barangan perkilangan, merangkumi 87% daripada jumlah import Malaysia dengan barangan import utama seperti berikut:

- Barangan E&E, bernilai RM261.65 bilion, merangkumi 29.8% syer daripada jumlah import Malaysia, meningkat 3.4% berbanding 2017;
- Keluaran petroleum, RM86.2 bilion, 9.8% syer, ↑14.4%;
- Kimia dan bahan kimia, RM82.73 bilion, 9.4% syer, ↑11%;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM73.62 bilion, 8.4% syer, ↓6.3%; dan
- Barangan perkilangan logam RM46.11 bilion, 5.3% syer, ↑5.6%.

China kekal sebagai sumber import terbesar sejak 2011, diikuti oleh Singapura, AS, Taiwan dan Jepun. Secara kolektif negara-negara ini menyumbang 53.4% kepada jumlah import. Import dari ASEAN berjumlah RM223.9 bilion atau 25.5% daripada jumlah import Malaysia manakala import dari EU merangkumi 9.7% syer, dengan nilai sebanyak RM84.77 bilion.

## **PRESTASI PERDAGANGAN BAGI SUKU KEEMPAT 2018**

### **S4 2018 – Jumlah Perdagangan Naik 6.9% Disokong Oleh Eksport yang Kukuh**

**Jumlah perdagangan bagi suku keempat (S4) 2018 berkembang 6.9% kepada RM494.41 bilion berbanding S4 2017. Eksport meningkat 8% kepada RM264.5 bilion dan import naik 5.7% kepada RM229.91 bilion. Ini menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM34.58 bilion.**

Berbanding suku ketiga (S3) 2018, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 3.7%, 5.4% dan 1.8%.

## **PRESTASI PERDAGANGAN BAGI DISEMBER 2018**

***Eksport Disember Meningkat 4.8% tahun ke tahun kepada RM83.27 bilion***

**Jumlah perdagangan Malaysia pada Disember 2018 merekodkan pertumbuhan 3% kepada RM156.12 bilion** berbanding Disember 2017. Kenaikan ketara dalam perdagangan dicatatkan dengan ASEAN, AS, Hong Kong SAR, Taiwan, China, Australia, India, Pakistan dan ROK.

Lebihan dagangan yang tinggi iaitu sebanyak RM10.43 bilion telah direkodkan pada Disember 2018, menjadikannya **lebihan dagangan yang ke-254 bulan berturut-turut direkodkan sejak November 1997. Eksport berkembang 4.8% tahun ke tahun kepada RM83.27 bilion.** Barang perkilangan menyumbang 83.6% kepada jumlah eksport, hasil galian, 9.9% dan keluaran pertanian, 5.7%. Barang eksport utama adalah:

- Barang E&E bernilai RM32.81 bilion, dengan syer 39.4% daripada jumlah eksport, meningkat 14.2% berbanding Disember 2017;
- Kimia dan bahan kimia (RM5.35 bilion, 6.4%, ↑36.6%);
- Keluaran petroleum (RM5 bilion, 6%, ↓18.4%);
- LNG (RM4.12 bilion, 4.9%, ↓2.7%); dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan (RM3.37 bilion, 4.1%, ↑7.6%).

**Import pada Disember 2018 meningkat 1% kepada RM72.84 bilion berbanding Disember 2017** disokong oleh peningkatan import barang pengantara dan penggunaan. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM39.55 bilion atau 54.3% daripada jumlah import, meningkat 3.1%;
- Barang modal (RM9.46 bilion atau 13% daripada jumlah import, ↓21.7%); dan
- Barang penggunaan (RM6.58 bilion atau 9% daripada jumlah import, ↑5.7%).

Barangan import utama adalah:

- Barang E&E, RM21.95 bilion atau 30.1% daripada jumlah import, meningkat 2.4%;
- Kimia dan bahan kimia, (RM6.94 bilion atau 9.5% daripada jumlah import, ↑12.1%); dan
- Keluaran petroleum, (RM6.3 bilion atau 8.6% daripada jumlah import, ↑9.7%);

Perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut 3.6%, 1.9% and 5.4%.

Nota:

*Perlu diambil perhatian bahawa segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.*

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1700, Rabu, 30 Januari 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).*

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- # Data bulan Disember 2018 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

*Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.*

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
<b>2017<sup>f</sup></b>				
Januari	70,309.4	65,439.6	4,869.8	135,749.0
Februari	71,979.3	63,058.5	8,920.8	135,037.8
Mac	82,890.9	77,240.3	5,650.6	160,131.2
April	74,243.4	65,210.7	9,032.7	139,454.2
Mei	79,216.0	72,973.4	6,242.6	152,189.4
Jun	72,823.6	62,627.4	10,196.2	135,451.0
Julai	78,747.8	70,589.6	8,158.3	149,337.4
Ogos	82,024.8	72,113.0	9,911.8	154,137.9
September	77,861.5	69,650.4	8,211.1	147,511.9
Oktober	81,862.2	71,851.1	10,011.1	153,713.3
November	83,485.9	73,551.9	9,934.1	157,037.8
<b>Disember</b>	<b>79,482.0</b>	<b>72,116.3</b>	<b>7,365.7</b>	<b>151,598.2</b>
<b>2017 (Jan-Dis)<sup>f</sup></b>	<b>934,926.8</b>	<b>836,422.2</b>	<b>98,504.6</b>	<b>1,771,349.0</b>
<b>2018<sup>p</sup></b>				
Januari	82,820.1	73,152.8	9,667.3	155,972.8
Februari	70,342.6	61,325.0	9,017.6	131,667.5
Mac	84,467.0	69,778.7	14,688.3	154,245.7
April	84,246.7	71,225.2	13,021.5	155,472.0
Mei	82,110.4	73,993.6	8,116.8	156,104.0
Jun	78,610.8	72,609.9	6,000.9	151,220.7
Julai	86,154.4	77,827.4	8,327.0	163,981.8
Ogos	81,810.2	80,197.1	1,613.1	162,007.3
September	82,953.0	67,720.0	15,233.0	150,673.0
Oktober	96,363.9	80,050.5	16,313.4	176,414.4
November	84,861.0	77,018.6	7,842.4	161,879.6
<b>Disember</b>	<b>83,274.1</b>	<b>72,844.9</b>	<b>10,429.2</b>	<b>156,119.0</b>
<b>2018 (Jan-Dis)<sup>p</sup></b>	<b>998,014.1</b>	<b>877,743.7</b>	<b>120,270.4</b>	<b>1,875,757.9</b>
<b>2017<sup>f</sup></b>				
S1	225,179.6	205,738.4	19,441.2	430,917.9
S2	226,283.0	200,811.6	25,471.4	427,094.5
S3	238,634.1	212,353.0	26,281.2	450,987.1
<b>S4</b>	<b>244,830.1</b>	<b>217,519.3</b>	<b>27,310.8</b>	<b>462,349.4</b>
<b>2018<sup>p</sup></b>				
S1	237,629.6	204,256.4	33,373.2	441,886.1
S2	244,968.0	217,828.8	27,139.2	462,796.7
S3	250,917.6	225,744.5	25,173.1	476,662.1
<b>S4</b>	<b>264,499.0</b>	<b>229,914.0</b>	<b>34,584.9</b>	<b>494,413.0</b>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT**

Barangan	Dis 2018 <sup>p</sup>	Nov 2018 <sup>p</sup>	Dis 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>83,274.1</b>	<b>84,861.0</b>	<b>79,482.0</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	32,807.8	31,182.0	28,738.2
Kimia & Bahan Kimia	5,354.3	5,032.7	3,920.4
Keluaran Petroleum	4,997.7	7,468.3	6,125.1
LNG	4,118.2	4,562.0	4,232.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,373.9	3,323.5	3,136.6
Barangan Optik & Saintifik	3,246.0	3,173.2	2,832.0
Barangan Perkilangan Logam	3,238.3	3,537.3	3,425.3
Petroleum Mentah	3,185.7	2,863.9	2,711.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	2,958.1	3,703.5	4,064.1
Keluaran Getah	2,237.4	2,259.6	2,134.9

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT**

Pasaran	Dis 2018 <sup>p</sup>	Nov 2018 <sup>p</sup>	Dis 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>83,274.1</b>	<b>84,861.0</b>	<b>79,482.0</b>
Singapura	11,871.8	13,103.7	10,581.1
China	11,480.8	11,652.4	11,541.9
AS	7,879.7	7,349.2	6,940.1
Hong Kong SAR	6,492.1	5,936.4	5,168.1
Jepun	6,084.1	5,916.1	6,497.9
Thailand	4,434.4	4,750.0	4,040.7
India	3,116.2	2,811.5	2,597.4
Australia	3,065.0	2,836.9	2,518.3
ROK	2,973.3	3,555.2	3,242.3
Viet Nam	2,878.7	3,341.9	2,738.5

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S4 2018 <sup>p</sup>	S3 2018 <sup>p</sup>	S4 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>264,499.0</b>	<b>250,917.6</b>	<b>244,830.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	102,367.5	99,402.9	91,582.4
Keluaran Petroleum	20,598.3	17,611.3	17,612.4
Kimia & Bahan Kimia	16,063.8	14,671.1	12,453.6
LNG	12,750.1	8,724.2	10,773.3
Barangan Perkilangan Logam	11,154.8	10,252.1	10,485.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	10,781.1	10,575.8	13,738.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,022.4	9,804.7	9,667.9
Petroleum Mentah	9,841.2	9,810.7	7,999.7
Barangan Optik & Saintifik	9,814.7	9,398.2	8,782.6
Keluaran Getah	6,894.9	6,674.5	6,556.0

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Pasaran	S4 2018 <sup>p</sup>	S3 2018 <sup>p</sup>	S4 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>264,499.0</b>	<b>250,917.6</b>	<b>244,830.1</b>
Singapura	38,348.0	35,832.5	34,116.7
China	38,250.0	36,072.2	34,128.9
AS	23,865.5	23,225.7	22,513.1
Hong Kong SAR	19,751.0	19,159.6	15,373.2
Jepun	18,607.7	15,399.9	18,993.9
Thailand	15,075.6	13,723.1	13,498.5
Australia	9,844.2	8,690.7	8,503.0
ROK	9,523.4	8,441.4	9,135.5
Taiwan	9,384.6	8,621.3	6,408.8
Viet Nam	9,313.9	7,895.6	7,413.0

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (2018)**

Barangan	2018 <sup>p</sup>	2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>998,014.1</b>	<b>934,926.8</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	380,813.4	343,070.1
Keluaran Petroleum	76,390.1	71,813.0
Kimia & Bahan Kimia	57,721.1	47,137.8
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	44,703.4	54,022.8
Barangan Perkilangan Logam	44,670.8	37,936.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	40,627.9	40,133.0
LNG	40,135.7	41,416.8
Petroleum Mentah	36,566.1	28,255.5
Barangan Optik & Saintifik	36,328.5	32,394.6
Keluaran Getah	26,409.9	26,307.6

**JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (2018)**

Pasaran	2018 <sup>p</sup>	2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>998,014.1</b>	<b>934,926.8</b>
Singapura	139,116.1	135,628.3
China	138,880.1	125,957.0
AS	90,733.6	88,680.2
Hong Kong SAR	74,592.1	47,713.5
Jepun	69,061.3	75,596.9
Thailand	56,766.0	50,508.0
India	36,293.7	34,530.8
Viet Nam	34,209.6	27,596.8
ROK	33,680.7	28,586.5
Australia	33,407.8	32,376.6

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT**

Barangan	Dis 2018 <sup>p</sup>	Nov 2018 <sup>p</sup>	Dis 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>72,844.9</b>	<b>77,018.6</b>	<b>72,116.3</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	21,949.6	22,037.7	21,434.9
Kimia & Bahan Kimia	6,943.9	7,045.0	6,191.9
Keluaran Petroleum	6,299.8	9,830.1	5,742.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,200.9	6,168.0	6,636.4
Barangan Perkilangan Logam	4,003.6	4,028.0	3,754.8
Kelengkapan Pengangkutan	3,527.0	4,130.3	5,705.1
Barangan Besi & Keluli	2,400.3	2,663.2	2,192.5
Barangan Optik & Saintifik	1,964.8	1,937.8	1,949.9
Petroleum Mentah	1,890.9	1,465.7	1,951.3
Barangan Makanan Diproses	1,854.8	1,780.2	1,660.4

**JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT**

Pasaran	Dis 2018 <sup>p</sup>	Nov 2018 <sup>p</sup>	Dis 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>72,844.9</b>	<b>77,018.6</b>	<b>72,116.3</b>
China	15,466.5	14,853.6	14,499.2
Singapura	7,610.4	9,187.7	7,749.5
AS	5,754.1	5,486.1	5,138.6
Jepun	5,362.3	5,492.3	5,421.9
Taiwan	5,161.2	5,397.2	4,662.2
Thailand	4,150.6	4,187.5	4,062.5
ROK	3,107.8	3,467.1	2,570.1
Indonesia	3,096.2	3,717.3	2,889.9
India	2,284.7	2,797.9	2,227.1
Jerman	2,113.2	2,313.8	2,014.0

**JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S4 2018 <sup>p</sup>	S3 2018 <sup>p</sup>	S4 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>229,914.0</b>	<b>225,744.5</b>	<b>217,519.3</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	67,606.7	69,638.5	65,653.1
Keluaran Petroleum	25,488.7	19,973.1	19,595.4
Kimia & Bahan Kimia	21,701.2	21,886.8	18,945.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	18,611.1	18,382.6	20,850.5
Barangan Perkilangan Logam	12,282.2	11,541.0	11,626.6
Kelengkapan Pengangkutan	11,230.3	10,986.2	12,020.5
Barangan Besi & Keluli	7,504.6	8,045.8	6,980.1
Barangan Optik & Saintifik	5,952.9	6,136.1	6,215.4
Petroleum Mentah	5,698.2	5,991.9	4,790.5
Barangan Makanan Diproses	5,435.6	5,097.9	5,322.3

**JADUAL 11: PASARAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Pasaran	S4 2018 <sup>p</sup>	S3 2018 <sup>p</sup>	S4 2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>229,914.0</b>	<b>225,744.5</b>	<b>217,519.3</b>
China	44,914.3	45,390.1	43,420.3
Singapura	26,971.5	26,763.8	25,694.2
AS	17,062.1	17,406.0	15,603.5
Taiwan	16,792.9	17,512.8	14,324.3
Jepun	16,330.2	16,023.2	16,561.9
Thailand	12,424.3	12,438.3	12,224.2
Indonesia	10,990.7	10,512.0	9,457.7
ROK	10,415.4	9,210.5	8,707.2
India	8,015.7	6,363.1	7,112.4
Jerman	6,814.2	6,558.2	7,543.1

**JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (2018)**

Barangan	2018 <sup>p</sup>	2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>877,743.7</b>	<b>836,422.2</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	261,647.8	252,922.4
Keluaran Petroleum	86,199.2	75,359.8
Kimia & Bahan Kimia	82,729.4	74,507.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	73,618.1	78,574.8
Barangan Perkilangan Logam	46,109.9	43,649.0
Kelengkapan Pengangkutan	45,163.8	41,360.8
Barangan Besi & Keluli	30,980.3	27,346.0
Barangan Optik & Saintifik	23,276.1	24,826.8
Petroleum Mentah	21,646.4	16,575.7
Barangan Makanan Diproses	19,950.8	20,684.3

**JADUAL 13: PASARAN UTAMA IMPORT (2018)**

Pasaran	2018 <sup>p</sup>	2017 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>877,743.7</b>	<b>836,422.2</b>
China	174,925.5	164,444.7
Singapura	102,871.9	92,729.0
AS	64,943.7	65,274.6
Taiwan	63,563.9	54,754.6
Jepun	63,512.6	63,610.7
Thailand	48,596.6	48,141.2
Indonesia	40,270.9	37,879.4
ROK	38,916.5	39,118.9
India	26,469.5	26,853.0
Jerman	26,377.5	26,277.5

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f - data muktamad

p - data provisional

**CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2012-2018**